



International Journal of Modern Trends in
Social Sciences (IJMTSS)
Journal Website: <http://ijmtss.com/>
eISSN: 2600-8777



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI WARTAWAN DALAM PEMBINGKAIAN BERITA PILIHAN RAYA KECIL

FACTORS AFFECTING THE JOURNALIST IN FRAMING BY-ELECTION NEWS

Mohd Zuwairi Mat Saad¹

¹ Department of Communication, Universiti Utara Malaysia
Email: zuwairi@uum.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 23.12.2019

Revised date: 05.01.2020

Accepted date: 11.03.2020

Published date: 15.03.2020

To cite this document:

Mat Saad, M. Z. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Wartawan Dalam Pembingkaian Berita Pilihan Raya Kecil. International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 3 (11), 125-133.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 3110011.

Abstrak:

Media merupakan salah satu platform dalam penyampaian maklumat kepada khalayak. Peranan yang dimainkan oleh media dalam pembingkaian isu terutamanya menjadi sangat penting apabila ia dapat memberi kesan bagaimana seseorang khalayak itu berfikir. Oleh itu, artikel ini menganalisis pembinaan bingkai dengan memfokuskan kepada berita pilihan raya. Temubual separa berstruktur bersama wartawan dilakukan sebagai kaedah dalam mendapatkan data adalah untuk menjelaskan bagaimana faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi wartawan dalam bilik berita memberi kesan kepada pembingkaian berita pilihan raya kecil di Malaysia. Informan bagi temubual bersemuka ini ialah pengamal media Malaysia iaitu wartawan akhbar cetak (Utusan Malaysia dan Berita Harian) daripada latar belakang, peranan yang berbeza dan berpengalaman dalam kewartawanan politik. Sebanyak tiga informan daripada Berita Harian dan tiga informan daripada Utusan Malaysia. Wartawan yang ditemubual merupakan wartawan yang berpengalaman dalam melaporkan berita bingkai pilihan raya kecil atau umum telah ditemubual. Hasil kajian mendapati bahawa, terdapat faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi wartawan dalam pembinaan bingkai berita. Bagaimanapun, terdapat faktor yang lebih dominan memberi kesan kepada pembingkaian berita pilihan raya kecil di Malaysia iaitu faktor dalaman wartawan. Komponen pendidikan wartawan di bawah faktor dalaman memainkan peranan penting dalam memberi pemahaman dalam menyampaikan laporan berita kepada khalayak. Pengkhususan bidang yang terdapat pada wartawan, memberi impak kepada penulisan berita di samping mematangkan pemikiran wartawan dalam pemilihan tema, arah berita dan sumber walaupun faktor dalaman organisasi dan faktor luaran memberi kesan kepada pembikinan berita.

Kata Kunci:

Pembingkaian, Wartawan, Bilik Berita, Media Cetak, Pilihan Raya Kecil

Abstract:

Media is one of the platforms for delivering information to an audience. The role of media plays in framing issues is very important when it can impact how an audience thinks. Therefore, this article analyses frame construction by focusing on by-election news. The study using semi-structured interviews with journalists was done to explain how the internal and external factors affecting journalists in the newsroom affected the framing of the by-elections news in Malaysia. The informants for this face-to-face interview are Malaysian media practitioners, print journalists (*Utusan Malaysia* and *Daily News*) from different backgrounds, roles, and experiences in political journalism. Three informants from *Daily News* and three informants from *Utusan Malaysia*. The interviewer is an experienced journalist who reports on the news of a by-election or general election has been interviewed. The results show that there are internal and external factors that influence journalists in the construction of news frames. However, there is a dominant factor affecting the framing of the by-elections in Malaysia, namely journalist education. Journalist education plays an important role in providing insight into delivering news reports to audiences. Specializing in the field of journalism, it has an impact on news writing as well as brings journalist thinking into the selection of themes, news directions, and resources, although internal organizational factors and external factors influence news production.

Keywords:

Framing, Journalists, Newsrooms, Print Media, By-Elections

Pengenalan

Media memainkan peranan penting dalam membina sesuatu isu. Pengenalan konsep pembinaan bingkai, Scheufele (1999) menyarankan lebih banyak penyelidikan dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan pembingkaian media. Malah, De Vreese (2005) memperincikan pembinaan bingkai dengan memperkenalkan model proses pembingkaian berita. Kajian-kajian pembingkaian yang dilakukan oleh Shoemaker & Reese (1996), Gans (1979), Tuchman dan Gaye (1978), Cooper (2002), Snow dan Benford (1992), Bartholomew, Lecheler & de Vreese (2015) dan Castello, & Montagut (2011) memberi sumbangan kepada faktor-faktor pengaruh terhadap wartawan dalam bilik berita. Manakala, De Vreese (2014) memberi penekanan kepada kepentingan interaksi antara pengamal media dan pengaruh luar seperti golongan elit dan penyampaian komunikasi strategik salah satu faktor yang dapat memberi pengaruh kepada wartawan. Walau bagaimanapun, Bell (2016) menyatakan bahawa sejak lima tahun kebelakangan ini, teknologi memainkan peranan penting dan memberi kesan kepada dunia kewartawanan berita.

Boesman et al. (2015) mencadangkan kajian seterusnya perlu dilakukan pada peringkat individu iaitu wartawan mengenai faktor-faktor yang memberi pengaruh kepada pembinaan bingkai. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi pembinaan bingkai wartawan dalam bilik berita. Kajian mengadaptasi model proses pembingkaian oleh De Vreese (2005) dan pada akhir kajian dapat merungkaikan proses pembingkaian dalam bilik berita berdasarkan ciri-ciri kewartawanan Malaysia.

Pembingkaian Dalam Bilik Berita

Teori Pembingkaian di pelopor oleh Goffman (1974) dalam bukunya *Frame Analysis an Essay on the Organization of Experience*. Idea asal mengenai pembingkaian adalah terhadap tafsiran keadaan sekeliling dengan menggunakan kerangka utama (diri) tanpa bantuan lain yang

dibahagikan kepada dua mengikut fungsi iaitu semula jadi dan sosial. Akan tetapi, definisi bingkai dan pembingkaian masih lagi kabur. Penyelidik tidak konsisten dalam menjelaskan pembingkaian dalam cara yang sama (Scheufele 1999). Penyelidik mentakrifkan pembingkaian dalam pelbagai cara; ada yang dari segi kesannya terhadap penonton dan yang lain-lain memberi tumpuan kepada pembingkaian. Walau bagaimanapun, Pan dan Kosicki (2001) mencadangkan agar kebanyakan sarjana cenderung untuk menjelaskan pembingkaian berdasarkan Goffman (1974). Menurut Goffman (1974), bingkai adalah skema tafsiran yang memberi peluang kepada khalayak untuk melakukan aktiviti ke atas sesuatu yang bermakna.

Manakala pembingkaian, menurut Entman (1993) adalah perhatian kepada beberapa aspek realiti, pada masa yang sama mengaburkan unsur-unsur lain yang boleh menyebabkan penonton memberi reaksi yang berbeza. Menurut Entman (1993), masalah yang timbul daripada pembingkaian adalah bagaimana hendak menentukan masyarakat memahami dan menilai sesuatu isu. Pembingkaian adalah pemilihan realiti yang dilihat dalam apa sahaja cara untuk menggalakkan definisi masalah tertentu, tafsiran sebab-musabab, penilaian moral, dan / atau cadangan untuk mengatasi masalah tentang item yang dinyatakan (Entman 1989).

Model proses pembingkaian telah diperkenalkan oleh de Vreese (2005). Proses pembingkaian melibatkan dua peringkat iaitu proses pembinaan bingkai dan proses penentuan bingkai. Pembinaan bingkai merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti struktur bingkai berita. Manakala penentuan bingkai merujuk kepada hubungan antara bingkai media dan pengetahuan sedia ada dan kecenderungan seseorang individu. Bingkai berita boleh menjelaskan pembelajaran, tafsiran dan penilaian terhadap isu dan peristiwa. Tahap kesan seseorang individu terhadap sikap tentang sesuatu isu boleh dilihat berdasarkan pendedahan kepada bingkai tertentu. Pada peringkat sosial, bingkai boleh menyumbang kepada pembentukan proses tahap sosial seperti sosialisasi politik, membuat keputusan dan tindakan secara kolektif. Bagi kajian ini, penumpuan hanya pada peringkat pembinaan bingkai.

Wartawan yang bekerja di organisasi media menggunakan pembingkaian sebagai satu cara untuk membingkaikan isu. Terdapat dua peringkat dalam pembingkaian iaitu peringkat konstruk makro dan peringkat konstruk mikro (Scheufele 1999). Menurut Shoemaker, dan Reese (1996) pada peringkat makro, wartawan atau komunikator memilih mod persempahan yang akan digunakan dalam memaparkan maklumat dengan cara yang selari dengan skema yang wujud dalam khalayak. Manakala pada peringkat mikro, pembingkaian merujuk kepada bagaimana khalayak menggunakan maklumat dan ciri-ciri persempahan berkaitan dengan pembentukan pendapat tentang sesuatu isu (Scheufele dan Tewksbury 2007). Menurut Scheufele, dan Tewksbury (2007), pada peringkat pembinaan bingkai dan pembinaan agenda, ia merujuk kepada mekanisme makroskopik yang memberi keutamaan dalam konstruk mesej berbanding kesan terhadap media. Segala aktiviti wartawan dalam membentuk agenda dan bingkai media akan memberi kesan jumlah dan ciri-ciri berita dalam sesetengah isu.

Pada peringkat permulaan, pembingkaian adalah faktor-faktor yang mempengaruhi wartawan dalam bilik berita. Merujuk kepada faktor yang mempengaruhi wartawan dalam menstrukturkan bingkai berita yang berkualiti, ia meliputi faktor dalaman dan faktor luaran. Terdapat dua faktor dalaman kewartawanan dalam mengenal pasti bagaimana wartawan dan organisasi berita membingkaikan isu iaitu pengaruh dalam khalayak (ideologi, sikap, norma profesional) dan rutin organisasi (orientasi politik sebagai medium) (Shoemaker & Reese 1996). Manakala peranan wartawan sebagai seorang yang profesional juga merupakan pengaruh pada peringkat individu (Bartholomew et al. 2015; Castello, & Montagut 2011) dan pengaruh dari segi konteks produksi berita (Castello and Montagut, 2011). Manakala bagi

faktor luaran ialah hubungan berterusan antara wartawan dan golongan elit (Gans 1979; Tuchman & Gaye 1978), perubahan sosial (Cooper 2002; Snow dan Benford 1992), ahli politik, kuasa, kumpulan berkepentingan dan elit (Gans 1979) adalah faktor-faktor pengaruh terhadap wartawan dalam membingkaikan isu.

Proses pembinaan bingkai telah dipinjamkan daripada kajian penentuan agenda untuk melihat proses pembingkaian yang lebih berkesan. Pada peringkat proses ini, pembinaan bingkai dibahagikan kepada dua iaitu bingkai isu spesifik dan bingkai isu umum. Bagi bingkai isu spesifik, kajian lalu banyak menumpukan kepada isu-isu tertentu seperti pembingkaian intifada (Cohen dan Wolfsfeld 1994), Internet (Roessler 2001), pembangunan wanita (Terkildsen dan Schnell 1997) dan perselisihan buruh (Simon, & Xenos 2000). Manakala bagi bingkai isu umum, kebanyakan kajian lalu menumpukan kepada liputan berita politik secara khususnya kepada kempen pilihan raya (de Vreese 2005).

Artikel ini akan menyumbang kepada pengetahuan dalam konteks kewartawanan Malaysia dengan memberi tumpuan kepada pembingkaian dalam bilik berita di peringkat pembinaan bingkai (De Vreese, 2005).

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Wartawan Dalam Bilik Berita

Teori pembingkaian merupakan asas kepada kajian ini untuk melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi wartawan dalam pembingkaian berita pilihan raya. Menurut de Vreese (2005) terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi wartawan dalam bilik berita yang meliputi faktor dalaman dan faktor luaran. Soalan diajukan kepada wartawan apakah faktor-faktor yang melibatkan faktor dalam dan luaran yang sedikit sebanyak mempengaruhi mereka dalam pembingkaian berita pilihan raya.

Menurut informan sudah pasti terdapat dua faktor tersebut yang mempengaruhi mereka dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak dalam laporan berita pilihan raya. Dapatan hasil temu bual ini akan dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan luaran.

Faktor Dalaman

Hasil daripada temu bual mendapati bahawa faktor dalaman melibatkan dua faktor iaitu:

- ii. Faktor dalaman wartawan iaitu faktor pendidikan wartawan.
- i. Faktor dalaman organisasi iaitu faktor orientasi organisasi dan berita sebagai komoditi.

Faktor dalaman yang pertama adalah faktor kepelbagaiannya latar belakang pendidikan wartawan pada masa kini berbanding tahun 1980-an. Kesannya terhadap pelaporan berita, memberikan wartawan kepakaran dan kemahiran wartawan dalam dunia kewartawanan. Menurut UM-A, kebanyakan wartawan kini mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi berbanding dengan wartawan senior iaitu tahap pendidikan mereka lebih rendah dan skop pembelajaran hanya dalam bidang kewartawanan. Wartawan-wartawan kini mempunyai lulusan sekurang-kurangnya dalam ijazah sarjana muda.

Malah menurut BH-A, ilmu yang mereka pelajari di peringkat universiti menyebabkan seseorang wartawan itu mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang seperti ekonomi, politik dan sebagainya.

Ilmu yang ada pada seseorang wartawan dalam sesuatu bidang dapat menjadikan penulisan lebih berautoriti dalam menjelaskan dan memperbetulkan sesuatu isu dalam laporan berita. Secara tidak langsung, perbezaan ilmu ini menyebabkan mereka mempunyai kebolehan dalam

penulisan berita kerana mereka mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tersebut. Latar belakang pendidikan wartawan yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi juga dapat membuktikan bahawa wartawan seorang yang berpengetahuan dalam pelaporan berita.

Malah menurut informan BH-A, kepelbagaian bidang menyebabkan mereka mempunyai pengkhususan kepada sesuatu ilmu. Jika menjurus kepada bidang politik, wartawan yang berlatarbelakangkan ilmu agama dan sains sosial menjadi penting. Hal ini kerana wartawan dalam bidang sains sosial bukan sahaja dapat melihat ciri-ciri pengundi malah dapat melihat tingkah laku pengundi. Perkara seperti ini yang dapat membezakan seorang wartawan sains sosial dengan bidang yang lain.

Selain itu, perbezaan bidang pendidikan ini juga merupakan faktor wartawan pada peringkat awalnya meimplementasikan apabila mereka berada pada kedudukan tertinggi dalam organisasi seperti editor dan sebagainya.

Orientasi organisasi juga merupakan salah satu faktor dalaman yang mempengaruhi wartawan dalam tempoh yang dikaji. Menurut informan BH-A dan UM-C, akibat daripada tekanan organisasi yang mempunyai kehendak atau peraturan yang tersendiri, wartawan terpaksa mengikuti kehendak organisasi tersebut. Bagi berita politik, keadaan semasa memainkan peranan penting. Organisasi media perlu akur kepada parti pemerintah yang memerintah kini berdasarkan tempoh dari tahun 1987 hingga 2014. Segala liputan berita yang dilakukan perlulah positif kepada parti pemerintah semasa.

Bagi berita pilihan raya menurut informan, akhbar Berita Harian akan bekerja keras membuat liputan ke atas parti kerajaan sahaja. Laporan berita sudah pasti menjurus kepada satu arah sahaja iaitu positif kepada kerajaan. Berbeza dengan Utusan Malaysia, melalui temu bual mendalam mendapatkan bahawa wartawan juga akan memberi liputan kepada pihak pembangkang. Namun, sudah pasti laporan berita parti memerintah lebih dominan.

Justeru itu, faktor dalaman melibatkan berita sebagai komoditi. Hal ini kerana berita juga merupakan sebagai satu komoditi bagi organisasi media. Menurut informan BH-B, komoditi bermaksud berita merupakan sumber pendapatan organisasi dan ia diperdagangkan kepada khalayak.

Faktor Luaran

Selain daripada faktor dalaman, faktor luaran juga mempengaruhi wartawan dalam pembingkaian berita pilihan raya. Faktor-faktor luaran adalah seperti teknologi, internet, dan kemunculan wartawan warga pada masa kini.

Faktor yang mempengaruhi wartawan paling ketara berdasarkan temu bual yang telah dilakukan adalah internet sejak kebelakangan ini. Pembangunan telekomunikasi pada tahun 1990-an dengan kemunculan internet telah mempengaruhi wartawan dalam bilik berita. Kesemua enam informan mengakui bahawa internet sedikit sebanyak mempengaruhi mereka dalam pembingkaian berita. Internet memberi tekanan kepada wartawan dengan munculnya pelbagai media sosial atas talian kini seperti Facebook. Justeru itu, internet juga menyebabkan organisasi media pada awalnya dalam bentuk bercetak telah menambah satu lagi medium dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak dalam bentuk portal.

Selain itu, teknologi kini yang kian berkembang menyebabkan salah satu faktor luaran yang menyebabkan perubahan corak pemberitaan berlaku. Berdasarkan temu bual pengaruh-

pengaruh kepada penulisan berita melibatkan teknologi seperti ICT, kemunculan media sosial dan aplikasi telefon pintar dan kemudahan SMS menyebabkan berita senang dicapai oleh khalayak.

Menurut BH-A, Teknologi ICT juga menyebabkan berita yang dikeluarkan pada waktu yang sebenar dan semasa kejadian tersebut berlaku. Kemunculan media sosial seperti Facebook dan Twitter menyebabkan proses penghantaran maklumat tersebut berlaku dengan cepat dan meluas. Malah SMS masih lagi digunakan untuk penghantaran maklumat walaupun perkembangan dunia teknologi kini.

Manakala bagi informan UM-C, Aplikasi telefon pintar seperti WhatsApp dan SMS menyebabkan penyebaran berita lebih cepat. Kemudahan seperti ini memudahkan wartawan untuk mengetahui sesuatu peristiwa bukan sahaja dalam dunia politik malah peristiwa-peristiwa harian yang lain. Kumpulan-kumpulan wartawan ditubuhkan dalam aplikasi ini bagi memudahkan penyebaran maklumat dilakukan. Teknologi juga membantu dalam penghantaran maklumat kepada pihak atasan dengan lebih cepat.

Hal ini kerana dalam dunia kewartawanan cepat dan tepat memainkan peranan penting. Gajet-gajet memainkan peranan penting dalam situasi ini yang berperanan sebagai medium utama untuk menghantar maklumat secara terus kepada portal berita atas talian dan selebihnya dihantar kepada editor untuk berita selanjutnya mengenai sesuatu peristiwa bagi proses penyuntingan yang akan dimasukkan dalam media cetak.

Apabila bercakap mengenai internet sudah pasti soalan akan ditanya mengenai isu viral di media sosial yang sedikit sebanyak memberi pengaruh kepada wartawan. Menurut kesemua informan teknologi dan internet seiring dalam mempengaruhi wartawan dalam pembingkaihan berita.

Isu-isu viral sama ada dalam bentuk teks atau audio visual sedikit sebanyak membantu wartawan dalam penulisan berita. Apabila isu-isu viral di media sosial, wartawan akan mengambil isu tersebut dan dijadikan berita keesokan hari. Menurut BH-C dan UM-C, tugas wartawan adalah untuk mengesahkan sumber dan memberi maklum balas sedikit sebanyak kepada isu-isu penting yang ditularkan di media sosial.

Hal ini kerana isu-isu viral di media sosial tidak mempunyai autoriti sumber dan ia dilaporkan oleh wartawan warga yang tidak mempunyai latar belakang yang sah sebagai penyampai maklumat seperti wartawan. Kerjaya sebagai seorang wartawan masih lagi memegang kepada etika kewartawanan. Ini bermakna segala maklumat yang diterima sumbernya diragui tidak boleh diberitakan.

Walau bagaimanapun, isu-isu tersebut akan diambil oleh wartawan dan memberi laporan dalam sudut yang berlainan daripada apa yang dipaparkan oleh wartawan warga. Justeru itu, menurut informan UM-A dan BH-A, dengan adanya media sosial memudahkan lagi wartawan dalam proses pembikinan sesuatu laporan berita. Bilangan wartawan di Malaysia terhad, dengan adanya wartawan warga ia dapat membantu wartawan dan dalam masa yang sama wartawan warga tidak dijadikan sebagai pesaing.

Ini menunjukkan bahawa wartawan warga yang menjadikan media sosial sebagai platform menyebarkan isu-isu atau peristiwa akan membingkaikan terlebih dahulu sesuatu isu sebelum wartawan mengambil isu tersebut sebagai berita sama ada berita di media cetak mahupun di

media sosial. Hal ini membuktikan bahawa media sosial mempunyai pengaruh yang besar terhadap wartawan dalam pembingakaian isu. Meskipun ia mempunyai pengaruh, wartawan tidak akan mengambil isu tersebut tanpa usul periksa terlebih dahulu. Wartawan akan mengesahkan sumber-sumber isu yang diviralkan dengan pihak yang berautoriti sebelum isu tersebut dijadikan sebagai laporan berita.

Selain itu penjelasan juga turut diberikan oleh informan BH-A mengenai penetapan agenda media arus perdana dan media sosial. Pada masa kini agenda bukan sahaja ditetapkan oleh media, malah media sosial juga berperanan dalam menetapkan agenda kepada khalayak seperti isu-isu politik semasa. Media sosial juga memainkan peranan yang lebih besar dalam berita politik. Hal ini kerana kebanyakan berita dalam media sosial tidak memihak kepada mana-mana pihak dan kadangkala dilihat negatif kepada kerajaan. Manakala, media-media cetak hanya menetapkan agenda positif kepada kerajaan.

Perbezaan penetapan agenda ini membezakan di antara media sosial dan media cetak dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak. Media baharu memfokuskan kepada media sosial terutamanya akan menyampaikan isu-isu yang bertentangan dengan pihak kerajaan. Malah menurut BH-A, media cetak pada masa kini menjadi keliru dalam penyampaian maklumat kepada khalayak. Maklumat yang disampaikan kepada khalayak pada awalnya untuk membentuk pemikiran tetapi kini adakah ia dapat menghancurkan pemikiran khalayak.

Berdasarkan temu bual mendalam yang dijalankan mendapati bahawa faktor luaran dan dalaman memberi pengaruh kepada wartawan dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak. Pengaruh dalaman organisasi dan pengaruh dalaman wartawan merupakan faktor dalaman yang utama. Manakala bagi faktor luaran, politik semasa memainkan peranan penting terhadap wartawan dalam pembingkaian berita pilihan raya. Walau bagaimanapun, seiring dengan era teknologi dunia tanpa wayar yang kian berkembang, faktor ini menjadi lebih dominan apabila fenomena media sosial sebagai medium penyebaran berita pada masa kini sehingga munculnya wartawan warga.

Media sosial bukan sahaja dijadikan sebagai platform dalam penyebaran berita malah ia juga berfungsi dalam menetapkan agenda terutamanya dalam berita politik. Wartawan memainkan peranan penting dalam mengesahkan kembali berita-berita yang disebarluaskan oleh pengguna-pengguna media sosial. Malah secara tidak langsung media sosial bukan lagi menjadi pesaing kepada wartawan dalam dunia kewartawanan malah sedikit sebanyak membantu wartawan dalam pembikinan berita.

Rumusan

Kajian ini menggunakan Teori Pembingkaian dalam melihat bagaimana wartawan membingkaikan berita pilihan raya kecil di Malaysia. Proses pembikinan berita difokuskan dalam kajian ini seperti corak penulisan, tema, arah berita dan sumber. Manakala Teori Pembingkaian digunakan sebagai dasar untuk melihat apakah faktor yang mempengaruhi wartawan dalam pembingkaian berita.

Teori yang digunakan amat sesuai dan mengikut kehendak kajian yang telah dijalankan. Implikasi daripada Teori Pembingkaian mengenai pembinaan bingkai membawa kepada penemuan faktor baru dalam dunia kewartawanan tempatan dalam pembingkaian berita pilihan raya kecil. Terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti melalui kajian lalu yang berkaitan dengan Teori Pembingkaian. Kajian menumpukan pada peringkat makro dalam teori pembingkaian. Scheufele (1999) menyatakan terdapat peringkat makro dan mikro dalam

pembingkaian berita. Manakala, Shoemaker, dan Reese (1996) memberi kenyataan bahawa pemilihan mod persempahan adalah satu aspek pada peringkat makro. Pada peringkat ini pembingkaian adalah faktor-faktor yang mempengaruhi wartawan dalam bilik berita semasa membingkaian berita pilihan raya kecil.

Kajian ini mengadaptasi daripada Model Proses Pembingkaian oleh De Vreese (2005) dan menemukan sumbangan dalam konteks kewartawanan Malaysia bahawa terdapat faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi wartawan dalam pembinaan bingkai berita. Wartawan masih lagi dipengaruhi oleh faktor dalaman selari dengan kenyataan Shoemaker dan Reese (1996) dalam kajian mereka. Bagaimanapun, terdapat sub-faktor dibawah faktor dalaman wartawan itu sendiri yang lebih dominan memberi kesan kepada pembingkaian berita pilihan raya kecil di Malaysia iaitu pendidikan wartawan. Pendidikan wartawan memainkan peranan penting dalam memberi pemahaman dalam menyampaikan laporan berita kepada khalayak. Pengkhususan bidang yang terdapat pada wartawan, memberi impak kepada penulisan berita di samping mematangkan pemikiran wartawan dalam pemilihan tema, arah berita dan sumber walaupun faktor dalaman organisasi dan faktor luaran memberi kesan kepada pembikinan berita. Seterusnya, kajian juga menemukan pengaruh wartawan adalah disebabkan oleh komoditi berita dibawah faktor dalaman organisasi. Berita dijadikan sebagai komoditi memerlukan wartawan menjadi lebih kreatif dalam menarik minat khalayak dalam memperoleh keuntungan selain daripada pendapatan melalui iklan. Rajah 1 merupakan hasil gabungan kerangka teori dan hasil dapatan kajian.

Meskipun faktor dalaman memberi impak kepada wartawan, tidak terkecuali faktor luaran juga memberi kesan kepada wartawan dalam pembikinan berita. Kajian menemukan bahawa faktor luaran wartawan di Malaysia dipengaruhi oleh faktor hubungan berterusan antara wartawan dan golongan elit (Gans 1979; Tuchman & Gaye 1978), dalam kajian ini golongan elit termasuklah pemimpin dan ahli politik Malaysia. Manakala perubahan sosial (Cooper 2002; Snow dan Benford 1992), ahli politik, kuasa, kumpulan berkepentingan dan elit (Gans 1979).

Selari dengan perkembangan teknologi kini, wartawan juga dipengaruhi oleh teknologi. Internet dan media sosial memberi pengaruh yang kuat dalam pembikinan laporan berita. Isu-isu yang ditonjolkan di media masa memberi kesan kepada wartawan apabila terdapat isu yang diberi penekanan oleh media sosial terlebih dahulu. Maklumat awal yang disampaikan oleh media sosial membantu wartawan untuk mendapatkan berita. Wartawan akan mengulas dan memberikan fakta yang tepat hasil daripada isu-isu yang diketengahkan di media sosial. Perkara ini sedikit sebanyak memberi pengaruh dan membantu wartawan serta tidak menunjukkan sebarang persaingan.

Malah melalui dapatan kajian secara temu bual, wartawan mengatakan bahawa terdapat sesetengah isu di media sosial terutamanya isu-isu viral, wartawan warga akan membingkaikan terlebih dahulu sebelum wartawan membingkaikan sesuatu berita secara atas talian (e-news portal) atau dalam media cetak. Media membingkaikan isu tersebut dengan cara bagaimana khalayak itu berfikir. Secara tidak langsung kewujudan teknologi kini terutamanya media sosial telah mengubah bagaimana khalayak berfikir.

Rujukan

- Bartholomee, G., Lecheler, S. & de Vreese, C. 2015. Manufacturing conflict? How journalists intervene in the conflict frame building process. *International Journal of Press/Politics*, 20(4), 438–457.

- Bell, A. 2016. Facebook is eating the world. *Columbia Journalism Review*,
http://www.cjr.org/analysis/facebook_and_media.php [9 March 2016].
- Boesman, J., Berbers, A., D'Haenens, L. & Gorp, B. Van. 2015. The news is in the frame: A journalist-centered approach to the frame-building process of the Belgian Syria fighters. *Journalism*, 1–9. doi:10.1177/1464884915610988
- Castello, E. & Montagut, M. 2011. Journalists, reframing and party public relations consultants: Strategies in morning talk radio. *Journalism Studies*, 12(4), 506–521.
- Chamil Wariya, . 2012. *Kewartawanan dan Media Era Digital Isu:-isu Semasa*. Kuala Lumpur: Malaysia Press Institute.
- Cohen, A. A. & Wolfsfeld, G. 1994. *Framing the Intifada: People and the Media*. Norwood, NJ: Ablex.
- Cooper, A. H. 2002. Media framing and social movement mobilization. German peace protest against INF missiles, the Gulf War and NATO peace enforcement in Bosnia. *European Journal of Political Research*, 41, 37–80.
- de Vreese, C. 2005. News framing: Theory and typology. *Information Design Journal + Document Design*, 13(4), 51–62.
- de Vreese, C. H. 2014. Mediatization of news: The role of journalistic framing. Dlm. F (pnyt.) & J (pnyt.). *Mediatization of Politics: Understanding the Transformation of Western Democracies*, hlm.137–155. Basingstok: Palgrave Macmillan.
- Entman, R. M. 1989. How the media affect what people think: An information processing approach. *The Journal of Politics*, 51(2), 347–370.
- Entman, R. M. 1993. Framing: Towards clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43(4), 51–58.
- Gans, H. J. 1979. *Deciding what's news*. New York: Pantheon Books.
- Hallin, D. C. & Mancini, P. 2004. *Comparing Media System: Three Models of Media and Politics*. United States of America: Cambridge University Press.
- Mc Manus, J. 2009. The Commercialisation of News. Dlm. Wahl-Jorgensen (pnyt.) & Hanitzsch (pnyt.). *The Handbook of Journalism Studies*, hlm.Routledge., 218–231. New York.
- Philips, A. 2010. Old Sources: New Bottles. Dlm. Natalie (pnyt.). *New Media, Old News: Journalism and Democracy in the Digital Age*,. Los Angeles: Sage.
- Roessler, P. 2001. Between online heacen and cyberhell: The framing of the internet by traditional media in Germany. *New Media and Society*, 3, 49–66.
- Scheufele, D. A. 1999. Framing as a theory of media effects. *Journal of Communication*, 103–122.
- Scheufele, D. A. & Tewksbury, D. 2007. Framing, Agenda Setiing, and Priming: The evolution of three media effects models. *Journal of Communication*, 57, 9–20.
- Shoemaker, P. & Reese, S. D. 1996. *Mediating the Message*. New York: Longman Publishers.
- Simon, A. & Xenos, M. 2000. Media framing and effective public deliberation. *Political Communication*, 17, 363–376.
- Snow, D. A. & Benford, R. D. 1992. Master frames and cycles of protest. Dlm. Morris (pnyt.) & Ueller (pnyt.). *Frontiers in social movement theory*,. New Haven, CT: Yale University Press.
- Terkildsen, N. & Schnell, F. 1997. How media frames move public opinion. An analysis of the women's movement. *Political Research Quarterly*, 50, 879–900.
- Tuchman & Gaye. 1978. *Making news. A study in the construction of reality*. New York: Free Press.